

DARI MERVIN NAMDIAR DAN MARIA SAMAD

1982
SINGAPURA, 23 APRIL (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENOLAK SEBARANG KEMUNGKINAN PEMOTONGAN TARIF UNTUK IMPORT DARI LUAR RANTAU ASEAN DAN BERKATA TARIF MALAYSIA ADALAH CUKUP RENDAH.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA TERDAPATNYA BARANG-BARANG DARI SELURUH DUNIA DI MALAYSIA ADALAH BUKTI CUKUP YANG TARIF MALAYSIA ADALAH RENDAH.

+APA YANG DIPERLUKAN IALAH BAGI NEGARA-NEGARA LAIN MENGURANGKAN TARIF YANG DIKENAKAN KE ATAS BARANG-BARANG MALAYSIA, + BELIAU MEMBERITAHU SATU SIDANG AKHBAR YANG DIADAKAN PERSAMA DENGAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN SINGAPURA GOH CHOK TONG DI AKHIR MESYUARAT KESEMBILAN MENTERI-MENTERI EKONOMI ASEAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA SEDANG MENJAWAB SOALAN SAMA ADA MALAYSIA AKAN MENKAJI TARIFNYA MEMANDANGKAN APA YANG DIKATAKAN OLEH PERDANA MENTERI SINGAPURA LEE KUAN YEW IAITU ASEAN TIDAK PATUT MENDIRIKAN HALANGAN KEPADA PERDAGANGAN ANTARA KUMPULAN SERANTAU ITU DAN NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN, SEPAKAI LANGKAH MEMUPUK DAGANGAN DALAM ASEAN.
— PERSAMBUNG 2015/1B

1603

ASEAN-MAHATHIR 2 SINGAPURA

ENCIK LEE MEMBUAT CADANGAN INI KETIKA BERUCAP DI HARI PEMBUKAAN ISNIN LALU. DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERINGKAT RARIF DI MALAYSIA ADALAH RENDAH BERBANDING DENGAN FILIPINA DAN INDONESIA.

ENCIK GOH BERKATA SINGAPURA, FILIPINA DAN INDONESIA SEDANG BERUSAHA MENGURANGKAN PERINGKAT TARIF.

MERUJUK KEPADA GESAAN ENCIK LEE SUPAYA DILONGGARKAN TARIF MUSYAWARAH YANG MENJADI KEBIASAAN DALAM PERJANJIAN ASEAN SETAKAT INI. DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA CADANGAN ITU BOLEH MENJADI PRAKTIKAL DALAM KEADAAN TERTENTU.

ENCIK LEE MENYEBUT CADANGANNYA SEBAGAI SEKIM LIMA TOLAK SATU DAN BERKATA APABILA EMPAT NEGARA BERSETUJU KEPADA SESUATU CADANGAN DAN SATU TIDAK MEMBANTAHNYA EMPAT YANG LAIN PATUT MENERUSKAN PROJEK ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MENTERI-MENTERI EKONOMI MERASA MEREKA PATUT, APABILA PERLU, MENCAKAI MUSYAWARAH. — BERSAMBUNG

ASEAN-MAHATHIR 3 SINGAPURA

ENCIK GOH BERKATA MENTERI-MENTERI EKONOMI DAN PERDANA MENTERI LEE SENDIRI MERASA ASEAN PATUT BERUSAHA MENCAKAI KEPUTUSAN SECARA MUSYAWARAH.

KATANYA CADANGAN LIMA TOLAK SATU AKAN MENJADI CADANGAN PRAKTIKAL DI BAWAH RANCANGAN PENOKOKAN PERUSAHAAN APABILA SATU ATAU DUA BUAH NEGARA KURANG FAEDAH BERBANDING DALAM PENGELUARAN SETENGAH-SETENGAH KOMPONEN.

+DI BAWAH KEADAAN DEMIKIAN CADANGAN LIMA TOLAK SATU AKAN MENJADI PRAKTIKAL, + KATANYA.

ENCIK GOH BERKATA SATU KAJIAN MENGENAI KEBERKESANAN PERATURAN PERDAGANGAN ISTIMEWA ASEAN SEDANG DIJALANKAN TETAPI IA MENGAMBIL MASA UNTUK MENYELESAIKANNYA MEMANDANGKAN BERTAMBAHNYA BARANG UNTUK POTONGAN TARIF. — BERNAMA 2025/1B